



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 26 MEI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	KPKM SEDANG BERUNDING DENGAN GACC UNTUK TEMBUSI PASARAN DURIAN SEGAR KE CHINA, MALAYSIA DAILY NEWS -ONLINE DI TENGAH CABARAN CHINA, KERAJAAN PERGIAT PROMOSI DURIAN TEMPATAN, MALAYSIA KINI -ONLINE GOVERNMENT PROPOSES TO INCREASE FRUIT AND VEGETABLE PRODUCTION AS SELF-SUFFICIENCY RATE, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A4 STABILISE PRICES BY INCREASING FOOD PRODUCTION, NATION, CHINA PRESS -A3 DEPARTMENT OF AGRICULTURE NEGOTIATING WITH GACC TO EXPORT DURIAN IN THE FORM OF FRESH, NATION, CHINA PRESS -A7 MINISTRY TO COME UP WITH POLICY TO INCREASE FOOD PRODUCTION, STABILISE PRICES, NATION, SIN CHEW DAILY -10 MINISTRY ENCOURAGES PRODUCTION OF DURIAN PRODUCTS, NATION, SIN CHEW DAILY -15 VEGETABLES, FRUITS IN SHORT SUPPLY IN 2021, NEWS, THE SUN -4 PANTAU KAWASAN PADI ELAK TERJEJAS EL NINO, NEGARA, KOSMO -14 MAFS PANTAU KESAN EL NINO, LOKAL, HM -21 249 SYARIKAT MANFAATKAN INSENTIF PROJEK PENGELUARAN MAKANAN, NASIONAL, BH -19 JUALAN AGRO MADANI LIBAT 13,000 USAHAWAN, NEGARA, KOSMO -15	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
13. 14.	DURIAN TETAP LAKU KETIKA CUACA PANAS, NEGARA, KOSMO -16 DURIAN KAMPUNG GUGUR MUSIM PANAS, NEGERI JOHOR, SH -28	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
15. 16. 17.	UNCERTAINTY ON FLOATING CHICKEN AND EGG PRICES, CENTRAL, CHINA PRESS -C1 LEWAT BAYAR SUBSIDI, LADANG BEROPERASI DALAM KERUGIAN, DALAM NEGERI, UM -9 PANTAU DAGING IMPORT DARI NEGARA TIADA PERAKUAN JPV, DALAM NEGERI, UM -9	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
18. 19. 20.	TERNAK PATIN TIDAK LAGI MENGUNTUNGGAN, DALAM NEGERI, UM -33 BEKALAN PATIN MAKIN KRITIKAL, NEGARA, KOSMO -1 & 2 KRISIS KEKURANGAN PATIN JEJAS NAMA BAIK TEMERLOH, NEGARA, KOSMO -2	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
21.	CUACA PANAS, SAWAH DI KERIAN MULA KERING, DALAM NEGERI, UM -32	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2023	MALAYSIA DAILY NEWS	ONLINE	

KPKM SEDANG BERUNDING DENGAN GACC UNTUK TEMBUSI PASARAN DURIAN SEGAR KE CHINA



KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) — Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Jabatan Pertanian sedang dalam proses untuk mengadakan rundingan dengan Jabatan Pentadbiran Am Kastam China (GACC) bagi mendapatkan akses pasaran buah durian segar ke China.

Timbalan Menteri Chan Foong Hin berkata usaha ini dilakukan selepas kejayaan mendapatkan pasaran nangka segar ke China.

“Walau bagaimanapun, faktor ketahanan pada suhu bilik (shelf life) menjadi cabaran kepada Malaysia untuk mengekalkan tahap kesegaran dan kualiti buah durian yang dieksport.

“Pengeksportan durian ke China dalam bentuk segar memerlukan buah durian dituai sebelum tempoh matang penuh bagi memastikan kulit buah durian tidak merekah apabila tiba di negara China,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan KPKM, di sini hari ini.

Chan berkata berbanding negara jiran, durian dari Malaysia dituai ketika buah mencapai kematangan dan luruh, menjadikan tempoh ketahanan buah lebih singkat dan sukar untuk diekport secara segar ke destinasi yang jauh seperti China.

Beliau berkata disebabkan itu, Malaysia menggunakan teknologi sejuk beku terkini *cryogenic deep freezing* supaya buah durian dapat mengekalkan kualiti dalam tempoh yang lama.

“Sekiranya Malaysia mendapat laluan pasaran durian segar ke China, pengusaha-pengusaha durian tempatan perlu bersedia dengan teknik penuaian buah yang dapat memanjangkan tempoh ketahanan buah pada suhu bilik,” katanya.

Sementara itu, bagi memperkasakan pasaran durian Malaysia di luar negara dan meningkatkan kesedaran pengguna di peringkat antarabangsa, KPKM menerusi Pejabat Perwakilan Pertanian di luar negara bersama-sama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) juga aktif menjalankan program promosi termasuk menyertai pameran perdagangan dan menganjurkan program promosi durian.

Chan berkata pada 2022, sebanyak 25 program promosi luar negara yang telah disertai atau dianjurkan di luar negara oleh KPKM bersama-sama agensi di bawahnya.

“Pada 2023, sebanyak 38 program promosi dirancang untuk dilaksanakan oleh KPKM,” katanya.

— BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2023	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Di tengah cabaran China, k'jaan pergiat promosi durian tempatan



Kerajaan akan terus mempergiatkan promosi hasil durian tempatan dalam pelbagai bentuk ke pentas global menerusi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.


Timbalan menterinya Chan Foong Hin ketika sesi Kamar Khas di Parlimen, berkata KPKM juga akan menggalakkan pengusaha durian tempatan mempelbagaikan hasil keluaran bagi menjana pendapatan serta meningkatkan daya saing industri durian negara, selain eksport buah durian segar dan sejuk beku.

"Kementerian juga turut memberi penekanan kepada penghasilan produk industri hiliran berasaskan durian yang luas di luar negara serta merancakkan industri pemprosesan makanan negara.

"Sehingga hari ini Malaysia turut mengeksport produk berasaskan durian seperti kek dan roll durian, wafer, roti, biskut dan coklat berperisa durian, ais krim durian," katanya ketika menjawab soalan Ahli Parlimen Raub, Chow Yu Hui, berkenaan pasaran eksport durian Malaysia.

Baru-baru ini China dilaporkan akan turut mengeluarkan durian bermula jun depan, menjadikan 2023 sebagai tahun paling mencabar buat pengusaha durian tempatan.

Menurut laporan itu lagi, penanaman durian di Pulau Hainan di China, dengan keluasan lebih 2,000 hektar, mungkin akan mengurangkan import raja buah itu ke negara tersebut.



Ladang durian di Pulau Hainan

Media melaporkan pengusaha durian akan berdepan masalah besar memandangkan China sebelum ini mengimport sebanyak 825,000 tan durian dengan nilai RM17.732 billion setiap tahun.

Mengulas lanjut, Chan berkata KPKM sedang berbincang dengan Jabatan Pentadbiran Am Kastam China (GACC) bagi mengeksport buah durian segar ke republik itu.

"KPKM bersama-sama Jabatan Pertanian dalam proses untuk berunding dengan pihak GACC di China untuk mendapatkan akses pasaran buah durian segar ke China, setelah berjaya untuk mendapatkan pasaran nangka segar ke China.

"Bagaimanapun, faktor ketahanan pada suhu bilik (shelf life) menjadi cabaran kepada Malaysia untuk mengekalkan tahap kesegaran dan kualiti buah durian yang dieksport.

"Pengeksportan durian ke China dalam bentuk segar memerlukan buah durian dituai sebelum tempoh matang penuh bagi memastikan kulit buah durian tidak merekah apabila tiba di China," katanya.

Katanya lagi, memandangkan durian tempatan dituai ketika mencapai kematangan dan luruh, tempoh ketahanan buah lebih sukar untuk dieksport secara segar ke destinasi yang jauh.

"Sekiranya Malaysia mendapat laluan pasaran durian segar ke China, pengusaha-pengusaha durian tempatan perlu bersedia dengan teknik penuaian buah yang dapat memanjangkan tempoh ketahanan buah pada suhu bilik," katanya lagi.

Dia memaklumkan bagi eksport durian sejuk beku ke China, setakat ini sebanyak 44 fasiliti pemprosesan telah menerima kelulusan eksport daripada GACC.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 41 fasiliti untuk durian dalam bentuk ulas dan pes, manakala selebihnya untuk durian dalam bentuk biji.

"Bagi memperkasakan pasaran durian Malaysia di luar negara dan meningkatkan kesedaran pengguna di peringkat antarabangsa, KPKM menerusi Pejabat Perwakilan Pertanian di luar negara bersama-sama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) juga aktif menjalankan program promosi di luar negara termasuk menyertai pameran perdagangan dan menganjurkan program promosi durian," katanya lagi.

Headline	Government proposes to increase fruit and vegetable production as self-sufficiency rate		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	26 May 2023	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A4	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	262 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,296
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,888



陈泓縑(右三)参观农业产品次领域投资研讨会展摊。

自给率未达100% 拟策增产蔬果

(布城 25 日讯) 农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出, 国内有数种蔬果在 2021 年的自给自给率 (SSR) 仍未达到 100%, 因此需加强生产应付本地需求, 从而稳定物价。

他说, 上述数据显示, 辣椒的 SSR 仅达 29.3%, 其他为生姜 (14.6%)、包菜 (40.3%)、芒果 (16.2%) 及椰子 (69.6%)。

“有鉴于此, 政府已制定种植次领域的方向, 优先提升 SSR 尚未达到

100% 的农产品, 以保障国家的粮食安全。”

莫哈末沙布原定今日为大马农业产品次领域投资研讨会主持开幕, 由于他未克出席, 其开幕讲词由该部副部长陈泓縑代读。

他说, 农产品贸易赤字高达 250 亿令吉, 出口额是 390 亿令吉, 进口额则是 640 亿令吉, 这显示大马仍非常依赖蔬果和动物饲料的进口, 以满足本地市场需求。

“必须降低对进口食品的高度依赖, 从而提升粮食安全及稳定物价。”

鼓励大规模私人界投资

政府致力发展农产品领域, 因此鼓励大规模的私人界投资, 包括予以他们奖掖、土地、融资和科技补助, 至于展开粮食出口计划的公司, 也可享有法定收入的税务减免。

莫哈末沙布说, 此举旨在鼓励本地人加入这

行业, 特别是青年, 他们的参与有助提升粮安和稳定供应价格, 减少我国对进口的依赖。

陈泓縑在记者会说, 该部正观察稻农下半年在埃尔尼诺现象所受到的影响, 确保稻田水利灌溉充足, 不会影响米粮的生产。

Headline	Stabilise prices by increasing food production		
MediaTitle	China Press		
Date	26 May 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A3	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	214 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,221
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,664



末沙布：自供自給率不達標 增產蔬果穩定價格

（布城25日讯）农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出，国内有数种蔬果在2021年的自供自给率（SSR）仍未达到100%，因此，有需加强生产应付本地需求，从而稳定价格。

他说，上述数据显示，辣椒的SSR仅达29.3%、生姜（14.6%）、包菜（40.3%）、芒果（16.2%），以及椰子（69.6%）。

“有鉴于此，政府已制定种植次领域的方向，优先提升SSR尚未达到100%的农产品，以保障国家的粮

是安全。

“此外，一些出口的农产品也会增加，包括SSR已超过100%的榴莲、西瓜、菠萝蜜、木瓜、香蕉、红毛丹、山竹、黄梨和番茄。”

依賴進口滿足需求

他原定今日为大马农业产品次领域投资研讨会主持开幕，由于未克出席，其开幕讲词由副部长陈泓缵代读。

他说，农产品贸易赤字高达250亿令吉，出口额是390亿令吉，进口额则是640亿令



■陈泓缵（中）参观展览会。

吉；这显示大马仍非常依赖蔬果和食品动物的进口，以满足本地市场需求。

“必须降低对进口食品的高度依赖，从而提升粮食安全及稳定物价。”

他说，政府致力发展农产品领域，因此

鼓励大规模的私人界投资，包括予以他们奖掖、土地、融资和科技补助，至于展开粮食出口计划的公司，也可享有法定收入的税务减免。

“这旨在鼓励本地人加入这个行业，特别是青年…他们的参

与有助提升粮安和稳定供应价格，减少我国依赖进口。”

另外，陈泓缵在记者会说，该部正观察稻农下半年在厄尔尼诺现象所受到的影响，确保稻田水利灌溉充足，不会影响米粮的生产。

Headline	Department of Agriculture negotiating with GACC to export durian in the form of fresh		
MediaTitle	China Press		
Date	26 May 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A7	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	114 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,249
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,746



（吉隆坡25日讯）农业及食品安全部副部长陈泓缵透露，该部与农业局目前正在与中国海关总署（GACC）进行协商，以取得榴槿鲜果（非冷冻）的输华许可。

他补充，这是继大马政府于今年3月取得中国许可，对华出口菠萝蜜鲜果后的后续行动。

惟他坦言，若要出口榴槿鲜果，榴槿在室温下的保质期

農業部與GACC協商 爭取榴槿鮮果輸華

期会是需要面对的技术挑战，以确保榴槿在抵达中国时依然维持其鲜度和品质。

陈泓缵今日在国会特别议会厅回答行动党劳勿区国会议员邹宇晖，有关大马榴槿

出口市场的提问时，这么指出。

他说，出口榴槿鲜果意味著我们需在榴槿完全成熟之前就摘下，以确保榴槿外壳在运输到中国的过程中不会

裂开。

“与邻国相比，大马榴槿是在树上成熟，从高处自然掉落之后才收集和零售。所以，榴槿果的保质期相对地短，难以用鲜果方式出口到较远的国家，如中国。”

“基于如此，大马才会采用急速冷冻（液氮冷冻技术），以确保榴槿可以长时间保存。”

“一旦大马取得榴槿鲜果

输华的管道，本地果农务必做好技术调整与准备，确保榴槿技术能够给予榴槿鲜果最大的保质期。”

陈泓缵指出，根据农业局截至今年5月的数据，全国一共有44间榴槿冷冻加工厂取得中国海关总署的出口准证。在这44间加工厂当中，41间负责加工榴槿为纯果肉及果泥；同时当中的20间加工厂获批以全果方式出口。

Headline	Ministry to come up with policy to increase food production, stabilise prices		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	26 May 2023	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	10	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	129 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,856
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,568



末沙布：擬策提升農產穩價 數蔬果自供率未達100%

（布城25日讯）农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出，国内有数种蔬果在2021年的自供自给率（SSR）仍未达到100%，因此，有需加强生产应付本地需求，从而稳定物价。

他说，上述数据显示，辣椒的SSR仅达29.3%、生姜14.6%、包菜40.3%、芒果16.2%及椰子69.6%。

“有鉴于此，政府已制定种植次领域的方向，优先提升SSR尚未达到100%的农产品，以保障国家粮食安全。

“此外，一些出口的农产品也会增加，包括SSR已超过100%的榴梿、西瓜、菠萝蜜、木瓜、香蕉、红毛丹、山竹、黄梨和番茄。”

他原定今日为大马农业产品次领域投资研讨会主持开幕，由于未克出席，其开幕讲词由副部长陈泓缣代读。

农产品贸易赤字达250亿

他说，农产品贸易赤字高达250亿令吉，出口额是390亿，进口额则是640亿；这显示大马仍非常依赖蔬果和食品动物的进口，以满足本地市场需求。

“必须降低对进口食品的高度依赖，从而提升粮食安全及稳定物价。”

他说，政府致力发展农产品领域，因此鼓励大规模的私人界投资，包括予以他们奖掖、土地、融资和科技补助，至于展开粮食出口计划的公司，也可享有法定收入的税务减免。

“此举旨在鼓励本地人加入这个行业，特别是青年……他们的参与有助提升粮安和稳定供应价格，减少我国依赖进口。”

陈泓缣：

确保稻米不受厄尔尼诺影响

另外，陈泓缣在记者会说，该部正观察稻农下半年在厄尔尼诺现象所受到的影响，确保稻田水利灌溉充足，不会影响米粮的生产。

Headline	Ministry encourages production of durian products		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	26 May 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	15	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	208 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,303
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,909



陳泓縑:除專注出口鮮果 也鼓勵生產榴槤製成品

（吉隆坡25日讯）农业及食品安全部致力继续以各种形式，推广马来西亚榴槤出口到世界各国。农业及食品安全部副部长陈泓縑指出，除了采集和出口榴槤鲜果，其部门一直鼓励果农多元化生产榴槤制成品，以增加收入及提高该行业的竞争力。

陈泓縑今日下午是在国会特别议会厅回答行动党党劳勿国会议员邹宇晖，有关大马榴槤出口市场的提问。

发展榴槤下游产业 食品工业

“除了专注以鲜果和冷冻方式出口榴槤，农粮部也着重榴槤的下游产业，以



大力发展大马食品工业领域。”

“目前为止，马来西亚所出口的榴槤制成品包括榴槤蛋糕、华夫饼、榴槤口味的巧克力、饼干、冰淇淋等等。”

与此同时，农粮部与属下机构时刻确保出口到国外的大马榴槤属于优质等级，符合国际标准。

與華協商出口榴槤鮮果許可

陈泓縑透露，农粮部与农业局目前正在与中国海关总署（GACC）进行协商，以取得榴槤鲜果（非冷冻）的输华许可。

他补充，这是继大马政府于今年3月取得中国许可，对华出口菠萝蜜鲜果后的后续行动。

出口鲜果面对保鲜技术挑战

惟他坦言，若要出口榴槤鲜果，榴槤在室温下的保质期会是需要面对的技术挑战，以确保榴槤在抵达中国时依然维持其鲜度和品质。

“同时，出口榴槤鲜果意味着我们需在榴槤完全成熟之前就摘下，以确保榴槤外壳在运输到中国的过程中不会裂开。”

“与邻国相比，大马榴槤是在树上成熟，从高处自然掉落之后才收集和销售。所以，榴槤果的保质期相对地短，难以用鲜果方式出口到较远的国家，如中国。”

“基于如此，马来西亚才会采用急速冷冻（液氮冷冻技术），以确保榴槤可以长时间保存。”

“一旦大马取得榴槤鲜果输华的管道，本地果农务必做好技术调整与准备，确保摘榴槤技术能够给予榴槤鲜果最大的保质期。”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2023	THE SUN	NEWS	4

Vegetables, fruits in short supply in 2021

PUTRAJAYA: Vegetables and fruits such as chili, ginger, cabbage, mango and coconut did not reach the 100% self-sufficiency ratio (SSR) for the year 2021, said Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He said the vegetables and fruits that failed to make the grade include chillies, which stood at 29.3%, ginger which was at 14.6%, cabbages which stood at 40.3%, mangoes at 16.2% and coconuts, which were at 69.6%.

He said policies for the food crops sub-sector would prioritise increasing the output of these and other food items that have yet to reach the 100% SSR to guarantee the country's food security.

"Food production needs has to be improved because the SSR for 2021 shows that there are still some vegetables and fruits that have not yet reached the 100% ratio," he said in his speech at the opening of the Malaysian Agro-Food Crop Subsector Investment Seminar, which was read out by Agriculture and Food Security Deputy Minister Chan Foong Hin.

Mohamad said the balance of trade in the agriculture sector for foodstuff in 2021 recorded a deficit of RM25 billion, with exports at RM39 billion and imports at RM64 billion.

Statistics show that Malaysia is still dependent on the import of food items such as vegetables, fruits of moderate and cold climates, as well as animal feed to meet domestic needs.

"The high dependence on imported food needs to be minimised in an effort to enhance food security and stabilise supply prices."

He said in Budget 2023, the government extended tax incentives for food production projects until the end of 2025. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2023	KOSMO	NEGARA	14



PERTANIAN berasaskan padi antara yang terjejas ekoran cuaca panas melampau akibat fenomena El Nino.

Kementerian pastikan pengeluaran padi tak terjejas

Pantau kawasan padi elak terjejas El Nino

Oleh **MOHD. HUSNI MOHD. NOOR**

PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) kini dalam proses meninjau dan memantau kesan-kesan dihadapi golongan petani di seluruh negara susulan fenomena El Nino ketika ini.

Timbalan Menteri, Chan Poong Hin berkata, tumpuan utama membabitkan kawasan pengeluaran padi di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA).

Beliau berkata, pihaknya juga akan memastikan bekalan air di tiga kawasan pertanian itu men-

cukupi, sekali gus menjamin operasi pengeluaran padi dan beras negara.

"Kerajaan sudah menubuhkan pasukan petugas khas bagi memantau musim cuaca panas dan kering itu.

"Pasukan itu juga akan mengenal pasti kerosakan di kawasan pertanian terjejas termasuk langkah-langkah awal mitigasi yang perlu dilaksanakan," katanya ketika ditemui pada Seminar Pelaburan Subsektor Tanaman Agromakanan Malaysia di sini semalam.

Beliau berkata demikian selepas ditanya sama ada fenomena El Nino akan dimasukkan dalam sebahagian Tabung Bencana Pertanian.

Katanya, buat masa ini, tiada sebarang bantuan menerusi Tabung Bencana Pertanian dipe-runtukkan bagi petani yang terjejas akibat musim cuaca panas itu.

Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) baru-baru ini meramalkan Monsun Barat Daya dijangka bermula pada 15 Mei dan berterusan sehingga September ini yang akan menyebabkan taburan hujan lebih rendah berlaku di kebanyakan tempat.

Beberapa agensi meteorologi antarabangsa pula meramalkan pembentukan El Nino akan bermula pada pertengahan 2023 hingga awal 2024 dan banyak negara mengambil langkah berjaga-jaga untuk mencegah kesan buruk fenomena itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2023	HARIAN METRO		21



CHAN (tiga dari kanan) menyampaikan cenderahati kepada pembentang kertas kerja dan pemampier selepas merasmikan Seminar Pelaburan Subsektor Tanaman Agromakanan Malaysia di Putrajaya. Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Azah Haniff Ahmad (kiri) dan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia, Daim Zuhmi Hassan (dua dari kanan). Gambar: NSTP MOHD FADLI HAMZAH

TUMPU KAWASAN PADI NEGARA

MAFS pantau kesan El Nino

Oleh Irwan Shafrizan
Ismail
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) sedang melaksana tinjauan bagi memantau kesan dihadapi golongan petani seluruh negara susulan fenomena El Nino ketika ini.

Timbalan Menteri, Chan Foong Hin, berkata, tumpuan utama membabitkan kawasan pengeluaran padi di bawah Lembaga Ke-

majuan Pertanian Muda (Mada), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA).

Beliau berkata, kerajaan juga sudah menubuhkan pasukan petugas khas bagi memantau musim cuaca panas dan kering itu.

"Pasukan itu akan mengenal pasti kerosakan di kawasan pertanian terjejas termasuk langkah awal mitigasi yang perlu dilaksanakan.

"Kita juga akan memas-

takan kepada petani yang terjejas akibat musim cuaca panas itu.

Jabatan Meteorologi (METMalaysia) baru-baru ini meramalkan Monsun Barat Daya dijangka bermula pada 15 Mei dan berterusan sehingga September ini yang akan menyebabkan taburan hujan lebih rendah berlaku di kebanyakan tem-

pat. Beberapa agensi meteorologi antarabangsa pula meramalkan pembentukan El

Nino akan bermula pada pertengahan 2023 hingga awal 2024 dan banyak negara mengambil langkah berjaga-jaga untuk mencegah kesan buruk fenomena itu berkenaan.

Awal bulan ini, sejumlah 7,800 daripada keseluruhan 26,833 hektar tanaman padi di bawah Kada terjejas ekoran cuaca panas dan kemarau yang berlaku di negeri ini.

Pengurus Besar Kada, Mohd Faizul Mustafa, berkata antara jajahan yang terdabit ialah Pasir Puteh, Bachok, Pasir Mas, Kota Bharu Utara dan Kota Bharu Selatan.

"Petugas khas kenal pasti kerosakan di kawasan pertanian"
Chan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

249 syarikat manfaatkan insentif projek pengeluaran makanan

Putrajaya: Kerajaan meluluskan insentif galakan cukai untuk projek pengeluaran bahan makanan kepada 249 syarikat bagi tempoh 2001 hingga April lalu, membabitkan nilai pelaburan lebih RM2.2 bilion.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata menerusi inisiatif itu, syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang menjalankan projek baharu pengeluaran bahan makanan diberi potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan dibuat bagi maksimum tiga tahun taksiran.

"Syarikat yang menjalankan projek pengeluaran bahan makanan pula diberi pengecualian cukai pendapatan 100 peratus ke atas pendapatan berkanun selama 10 tahun bagi projek baharu dan lima tahun bagi projek pembesaran syarikat sedia ada," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Seminar Pelaburan Subsektor Tanaman Agromakanan Malaysia di sini, semalam.

Teks ucapannya dibacakan Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin.

Perluas galakan insentif

Mohamad berkata, ketika pembentangan Belanjawan 2023 lalu, kerajaan bersetuju melanjutkan insentif galakan cukai bagi projek pengeluaran bahan makanan sehingga akhir 2025.

"Skop galakan insentif turut diperluaskan merangkumi projek pertanian moden berasaskan pertanian persekitaran terkawal.

"Inisiatif ini dapat menggalakan pembabitatan warga tempatan khususnya belia melalui penggunaan teknologi moden di sepanjang rantai nilai pengeluaran dan pemasaran.

"Pembabitatan mereka boleh membantu dalam usaha mempertingkatkan sekuriti makanan dan menstabilkan harga bekalan dengan mengurangkan ketergantungan kita kepada makanan import," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Malaysia ketika ini masih bergantung kepada pengimportan bahan makanan seperti sayur-sayuran, buah-buahan beriklim sederhana dan sejuk serta makanan haiwan bagi memenuhi keperluan domestik.

"Kebergantungan tinggi kepada makanan import perlu diminimumkan dalam usaha mempertingkatkan sekuriti makanan dan menstabilkan harga bekalan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2023	KOSMO	NEGARA	15

MAFS sasar 900 program di seluruh negara tahun ini

Jualan Agro Madani libat 13,000 usahawan

Oleh MUHAMMAD NAJIEB
AHMAD FUAD

PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) menyasarkan sebanyak 900 program Jualan Agro Madani dilaksanakan di seluruh negara melibatkan 13,000 usahawan tahun ini.

MAFS dalam kenyataan berkata, sebanyak RM13.5 juta nilai jualan juga disasarkan menerusi jualan Agro Madani tersebut.

Katanya, dianggarkan sejumlah 1.8 juta isi rumah golongan B40 dan M40 akan menikmati penjimatan melalui program Jualan Agro Madani tersebut.

“Untuk rekod, sehingga 30 April lalu, sebanyak 424 program telah dianjurkan melibatkan 6,312 usahawan dengan nilai jualan sebanyak RM9.35 juta,” katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, program Jualan Agro Madani ini akan diadakan di lokasi strategik dan terpilih seperti di kompleks kerajaan, outlet peruncitan agensi di bawah MAFS, kawasan perumahan, Projek Perumahan Rakyat (PPR), kawasan bandar dan pinggir bandar.

“Program ini bertujuan untuk meningkatkan kebolehcapaian dan ketersediaan bagi pengguna mendapatkan bekalan produk-produk secara terpilih pada harga yang berpatutan dengan penjimatan di antara 10 hingga



JUALAN Agro Madani mampu membantu golongan kurang bernasib baik menghadapi tekanan kos sara hidup. – GAMBAR HIASAN

30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran.

“Produk-produk yang ditawarkan adalah seperti produk segar sayur, buah, ayam, telur, ikan dan daging,” katanya.

Jelasnya, melalui program Jualan Agro Madani itu membuktikan keprihatinan Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam memastikan nasib golongan yang memerlukan

kan sentiasa terpelihara dalam menghadapi cabaran kos sara hidup yang tinggi.

Program Jualan Agro Madani merupakan penjenamaan semula daripada program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) yang telah dilaksanakan oleh MAFS melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Durian tetap laku ketika cuaca panas

TELUK INTAN – Peniaga durian di sekitar bandar ini teruja dengan sambutan orang ramai apabila permintaan terhadap raja buah itu meningkat baru-baru ini walaupun ketika cuaca panas.

Seorang peniaga, Muhammad Fauzi Muhammad Fadli, 36, berkata, dia menjual kira-kira dua tan durian sehari berbanding 500 atau 600 kilogram pada hari-hari biasa.

“Disebabkan sambutan amat menggalakkan, saya terpaksa meningkatkan pengambilan buah tersebut dari dusun di Bukit Gantang.

“Kalau hari biasa sehingga petang pun belum tentu habis dijual, namun pada musim panas ini, ada masanya belum sampai tengah hari ia sudah habis terjual,” katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Menurutnya, dia menjual buah tersebut pada harga pro-

mosi iaitu antara RM13, RM10 atau RM7 sekilogram berbanding antara RM18 hingga RM20.

Muhammad Fauzi menjangkakan permintaan terhadap durian akan bertambah minggu depan memandangkan orang ramai sudah mula balik kampung kerana cuti sekolah.

Ujarnya, antara jenis durian yang dijual termasuklah D18, D24, durian kampung dan musang king.

Sementara itu, seorang lagi peniaga, Abdul Rahman Mohd., 45, berkata, dia juga terpaksa menambah jumlah durian di premisnya kerana orang ramai berpusu-pusu untuk membeli buah tersebut.

“Ia tidak menghairankan kerana musim durian kampung sudah hampir tiba, jadi tak mustahil orang ramai yang mula datang membeli buah ini merupakan golongan peminat (durian kampung),” tambahnya.



ORANG ramai menyerbu sebuah gerai menjual durian di Kampung Bahagia, Teluk Intan semalam.

Durian kampung gugur musim panas

Dianggarkan antara 100 hingga 200 kilogram durian dijual kepada pelanggan

Oleh **NORAZURA MD AMIN**
PONTIAN

Pekebun durian di daerah ini bertuah apabila pokok durian jenis kampung kini mengeluarkan hasil meskipun pada musim panas.

Pekebun, Abd Hadi Ahmad Sani berkata, durian di kebunnya di Kampung Sawah, Pekan Nanas mula gugur sejak minggu lalu dan jumlahnya kini semakin banyak.

Jelasnya, setiap hari antara 100 hingga 200 kilogram (kg) raja buah itu dapat dijual kepada pelanggan yang datang ke dusun.

"Saya risau juga pengeluaran

durian akan terjejas ketika musim panas. Tetapi hujan sesekali pada sebelah petang sejak sebulan lalu membantu durian berbunga.

"Keadaan itu, menyebabkan pengeluaran durian di dusun seluas 22.5 hektar di kaki Gunung Pulai tidak terjejas. Sekarang ini durian kampung sudah gugur.

Selepas ini, durian jenis lain pula akan gugur seperti IOI dan duri hitam," katanya ketika ditemui pada Rabu.

Abdul Hadi yang sudah 27 tahun mengusahakan dusun durian menjangkakan, harga durian akan turun pada hujung bulan ini.

"Sekarang ini pengeluaran buah durian sedikit kerana belum banyak yang gugur. Buah durian dijangka gugur khususnya di Johor pada minggu depan.

"Mungkin ketika itu, harga durian kampung mencecah RM5 sekilogram berbanding RM8 hingga RM12 sekilogram kini," katanya.



FAHRUL



AFIAH

Meskipun cuaca agak panas, namun pengunjung ke dusunnya tidak putus-putus, malah ada yang sudah membuat tempahan awal untuk makan durian di dusun bersama keluarga dan rakan-rakan.

"Pengunjung bukan sahaja dari Johor Bahru, Johor tetapi ada juga dari Kuala Lumpur dan Singapura. Hujung minggu pada Sabtu dan Ahad, bilangan pengunjung mencecah hampir 180 orang.

"Ada juga yang sudah tempah untuk makan durian pada bulan depan. Keadaan yang redup dan santai menyebabkan



Pengunjung memilih untuk menikmati durian di dusun kerana suasananya lebih redup pada musim panas.

ramai tertarik untuk menikmati durian di dusun," katanya.

Pengunjung Fahrul Mahmood, 36, daripada Pontian berkata, makan durian di dusun memberikan pengalaman berbeza dengan keadaan lebih redup ketika musim panas kini.

"Setiap kali musim durian saya bersama isteri dan anak ke sini untuk menikmati keenakan durian kampung. Cuaca tidak

terlalu panas di dusun kerana banyak pokok dan keadaan redup.

Bagi Afiah Ali, 33, dari Iskandar Puteri pula mengakui dirinya 'hantu durian' dan mengakui durian ketika musim panas lebih manis.

"Walaupun musim panas tetapi hendak makan durian sebab cuma setahun sekali gugur," katanya.

Headline	Uncertainty on floating chicken and egg prices		
MediaTitle	China Press		
Date	26 May 2023	Color	Full Color
Section	Central	Circulation	127,822
Page No	C1	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	795 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,682
Frequency	Daily	PR Value	RM 47,046



雞肉 雞蛋 價格浮動

傳州選逼近政策或生變

至今仍未有進一步消息。
雞蛋價格於6月后自由浮動，唯
農業及食品部日前宣布，唯

劉坤維：不確定何時落實

雪蘭莪商會會長劉坤維說，蛋商正在觀察近日情況，不確定政府何時才執行蛋價自由浮動措施。
他說，雖然之前傳會在6月執行蛋價自由浮動，但也有消息傳是在6月30日之後，農業部也沒有公布最新的消息。
他指出，早前農業部傳出將執行雞蛋價自由浮動，正是雞蛋短缺期間，他們也不知計劃是否會有變動，他們也是在等待最新的消息。
他說，目前，市場的雞蛋供應穩定。



雪蘭莪商會會長劉坤維

“之前因為飼料太過貴，產得太多，造成一些養雞戶、蛋商不敢養得太多，形成當時出現雞肉、雞蛋等短缺的問題。”
他說，如今天氣太過炎熱，也是會影響到厚殼蛋的情況。
他指出，另外，蛋商在新舊的飼料，以及老母雞淘汰的情況，也將影響到接下來雞蛋的供應。

未知數

報導 ● 郭貞賢

（吉隆坡25日訊）政府於早前宣布於6月后，實施雞肉和雞蛋價格自由浮動措施，如今5月尾了，雜貨商、超市、蛋商仍未有最新消息，不排除6月選舉已逼近，以致計劃增添變數，出現不確定因素。
農業及食品部部長拿督斯里莫哈末沙希日前宣布，雞肉和雞蛋將於6月后自由浮動，以解決糧食短缺問題。
根據雪州一帶蛋商、雜貨商和超市等接受《中國報》詢問時表明，未有接獲有關雞蛋價格浮動最新消息，大家正靜觀其變。
他們說，政府宣布於6月開始讓雞蛋價自由浮動，在初期時曾傳得沸沸揚揚，如今靜了下來。

目前供應穩定

他們指出，供應商或蛋商，沒有通知蛋價自由浮動的日期，但傳出可能在6月30日執行。
他們說，如今雞蛋供應和價格相當穩定、充足。
“之前是因為飼料太貴，一些雞農減少飼養量，造成肉雞、雞蛋等出現供應不足的情況，但如今天氣炎熱，可能也將影響到接下來肉雞、蛋商等的飼養情況。”
由於6月州選逼近，有者相信雞蛋價自由浮動政策可能會出現變數，特別是上述政策是否可在6月30日執行。
他們說，農業及食品部日前在宣布時也沒有提及該政策的細節，供應商、蛋商也還沒有通知，也不知道該政策何時執行及如何的執行。
“如果價格天天浮動的，對雜貨商、超市和蛋商等也不是好事，無法天天不同的價格，也擔心浮動的幅度太大。”



雪蘭莪商會總務林福財

林福財：需確保幅度不大

雪蘭莪商會總務林福財說，如果雞蛋價格出現自由浮動的話，對於蛋農是好事，但也必須確保起伏幅度不會太大。
他說，如今雞蛋價格和供應穩定，消費者也沒有面對天不測的問題。
馬來西亞貨商聯合會會長方志民也表明最近也未接獲雞蛋價格浮動計劃的執行，並表明還是待農業部進一步的宣布。



■早前一托30粒雞蛋短缺，但如今供應量已相當充足。

沈水興：變動勿太頻密

起市業者拿督沈水興說，若政府實施雞蛋價格浮動，希望不要太多頻密或幅度較大變動，否則會讓雜貨商和超市等帶來麻煩。
他說，沒有接到供應商通知，指雞蛋價格浮動，或何時會執行。
他指出，如今雞蛋供應是相當穩定，雞蛋來源充足，他認為，若實施雞蛋價格浮動，是可以接受雞蛋價格一兩個星期有變動的情況，最擔心的是天天不同，幅度大的話，雜貨商、超市、蛋商等都很難做生意。

Industri dakwa tanggung rugi 5 sen bagi sebiji telur dihasilkan

Lewat bayar subsidi, ladang beroperasi dalam kerugian

Oleh FAHMI FAIZ

utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Beberapa pentermak ayam telur mengeluh akibat sistem kerajaan yang gagal menangani isu melibatkan sektor telur sehingga mereka terpaksa beroperasi dalam kerugian.

Satu sumber industri mewakili ladang telur di Lembah Klang yang ditemui semalam mendedahkan, susulan kelewatan pembayaran subsidi mengakibatkan mereka kerugian 5 sen bagi setiap biji telur yang dihasilkan.

Jelas sumber, ladangnya kini terpaksa berbelanja 45 sen bagi menghasilkan sebiji telur manakala harga telur dijual kepada pemborong pula 40 sen sebiji.

Justeru katanya, tanpa subsidi 10 sen sebiji telur yang diberikan kerajaan, ladangnya terpaksa menanggung kerugian 5 sen bagi setiap biji telur dihasilkan.

Menurutnya, ladangnya menghasilkan 500,000 biji telur sehari, bermakna kerugian RM25,000 setiap hari.

"Jadi, kami terpaksa cari model bisnes lain untuk tampung kos operasi. Antaranya, kami terpaksa melebihikan pengeluaran telur jenis omega yang tidak dikawal had pengeluaran serta harganya," kata



PENTERNAK ladang telur mendakwa mereka beroperasi dalam kerugian berikutan kelewatan pembayaran subsidi oleh kerajaan. - GAMBAR HIASAN

sumber.

Sumber berkata, ada ladang-ladang lain dikesan menipu label telur masing-masing bagi mengaut keuntungan dan mengelakkan beroperasi dalam kerugian, antaranya telur gred rendah sebagai gred tinggi bagi mendapat sedikit keuntungan.

Malah, isu ini semakin serius apabila sumber mendakwa sering menerima rungutan daripada peniaga dan pengusaha bakeri yang mengeluh saiz telur semakin kecil tapi harga mahal.

"Ada banyak ladang saya dapat tahu, mereka jual telur gred C sebagai gred B, kemudian gred B dijual pula sebagai telur gred A. Perkara ini banyak berlaku di Selangor sebab pemborong saya banyak dalam kalangan peniaga bakeri. Mereka merungut beritahu di pasaran sekarang ini, telur saiz lebih kecil tapi mahal.

"Misalnya ada pemborong yang merupakan peniaga bakeri, dia cakap telur di pasaran saiz B, tapi harga dijual sebagai telur gred A," kata sumber.

LEMBAGA UNGGAS

Sementara itu, satu sumber industri lain yang dihubungi akhbar ini mempersoalkan pendirian kerajaan berhubung langkah menubuhkan lembaga unggas bagi membaik pulih sektor ayam dan telur.

Katanya, isu lambakan telur omega sekarang ini adalah cerminan kepada kegagalan kerajaan menubuhkan lembaga unggas dan menasionalisasikan sektor ayam dan telur.

Jelas sumber, punca kenai-

kan kos operasi di ladang ayam dan telur akibat harga dedak dan harga anak ayam yang sekarang dikawal 100 peratus oleh kartel swasta.

Justeru, melalui penubuhan satu lembaga khas sahaja yang boleh membebaskan pentermak daripada cengkaman kartel yang berterusan mengawal dan menentukan pengeluaran serta harga dedak dan anak ayam.

"Dalam masa sama, kerajaan harus melantik syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sebagai pengimport dedak ayam. Ini boleh memecahkan monopoli lima kartel dedak yang sekarang sedang diasas Suruhanjaya Persaingan (MYCC) kerana kegiatan kartel," kata sumber.

AKREDITASI TELUR OMEGA

Dalam pada itu, sumber menggesa kerajaan mewujudkan mekanisme khusus mengawal pengeluaran telur omega demi memastikan pengguna tidak diperdaya.

"Ada ladang-ladang lain yang sengaja memperbanyakkan pengeluaran telur omega, bukan sebab tiada subsidi, bukan.

"Sebab kawalan harga. Bila kerajaan kawal harga, mereka berada dalam kerugian. Jadi ladang-ladang ini buatlah telur omega. Bukan sebab subsidi," jelasnya.

Pantau daging import dari negara tiada perakuan JPV

PETALING JAYA: Kemasukan daging import dari negara yang tidak mempunyai perakuan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) bukan sahaja menimbulkan persoalan dari segi status kehalalannya tetapi juga ancaman kepada kesihatan masyarakat.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Lembaga Perlindungan dan Kebajikan Pengguna Malaysia (LPKPM), Dr. Lee Nan Sang berkata, daging berkenaan mungkin mempunyai virus atau penyakit seperti lembu gila dan virus nipah.

"Satu perkara yang timbul adalah daging dari 19 buah negara itu disekat atau sudah masuk ke pasaran secara haram,

perkara ini harus dipandang berat oleh pihak kerajaan," katanya yang tidak menolak kemungkinan daging dari negara berkenaan sudah terlepas masuk ke Malaysia.

"Saya menyeru pihak kerajaan sentiasa memantau dan mengawal ketat ke atas daging yang diimport dari luar negara.

"Daging yang diimport masuk dari rumah sembelihan yang tidak mempunyai kelulusan audit JPV, keselamatannya menjadi satu persoalan kepada pengguna negara ini," katanya ketika dihubungi semalam.

Semalam, akhbar ini melaporkan, hanya lapan daripada 27 negara yang diaudit rumah sembelihan memperoleh pera-

kuan JPV untuk membawa masuk daging import ke negara ini.

Sumber agensi berkenaan berkata, negara-negara tersebut adalah India, Australia, Brazil, New Zealand, Pakistan, Jepun, Amerika Syarikat (AS) dan Argentina.

Beliau menggesa JPJ atau pihak berkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Sara Hidup segera menjalankan siasatan dan pemantauan memastikan semua daging import di pasaran adalah dari negara yang telah lulus audit JPJ.

Jelas Nan Sang, tindakan hukuman ketat juga wajib dikenakan ke atas syarikat yang mengimport daging dari negara-negara atau rumah sembelihan

luar negara yang tidak diluluskan pengauditan JPJ.

Malah, katanya, pengangkutan lesen pengimport juga perlu dikenakan.

"Daging import yang tidak berkelulusan JPJ satu perkara yang serius dan tidak boleh dipandang ringan," katanya.

Sementara itu, wakil Pusat Pilihan Pengguna (CCC) Malaysia, Tarmizi Anwar berkata, kerajaan perlu menerangkan tempoh yang diberi kepada pusat penyembelihan di negara-negara yang hilang daripada senarai sebelum ini untuk memperbaiki prestasi agar mencapai piawaian yang ditetapkan.

Katanya, ia penting bagi memastikan permintaan dag-

ing import dalam negara kekal mencukupi bagi mengelakkan berlakunya kekurangan stok daging menyebabkan harga daging meningkat.

"Kerisauan adalah kita negara banyak makan daging dan kita juga pengguna daging yang tinggi. Jadi, kalau hanya tinggal sembilan negara, maka, kita risau bilangan daging dibawa masuk tidak mencukupi dan tidak dapat menampung permintaan dalam negara," katanya.

Tarmizi berkata, CCC Malaysia juga mengharapkan kerajaan dapat memantau daging yang tidak diperakui ini daripada dibawa masuk terutamanya dalam pasaran gelap.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Ternak patin tidak lagi menguntungkan

Oleh **NORHAFIZAN ZULKIFLI**
utusannews@mediamulia.com.my

TEMERLOH: Penternakan ikan patin sangkar bukan lagi bidang menguntungkan kerana ramai penternak di daerah ini gulung tikar berikutan kerugian dihadapi sehingga RM50,000 seorang semusim.

Pengusaha ikan sangkar Sungai Semantan, Mohammad Khalil Abdul Wahab, 39, berkata, sebelum ini, jumlah kerugian tidak sebesar mana, namun sejak 2020, ia semakin meningkat dan membebankan penternak.

Katanya, kerugian itu disebabkan pelbagai faktor antaranya air sungai yang semakin cetek terutama sejak banjir 2020, banyak ikan mati mungkin disebabkan benih kurang berkualiti selain cuaca tidak menentu dan ancaman memerang.

Justeru, beliau berharap pihak berwajib turun padang melihat sendiri kesukaran dihadapi penternak ikan sangkar terutama di daerah ini selain membantu mencari jalan penyelesaian terbaik bagi menangani masalah kekurangan bekalan ikan patin sangkar di negeri ini.

“Kerana mahu terus mengekalkan kualiti ikan patin



PENGUSAHA ikan patin sangkar juga terpaksa berdepan dengan masalah kenaikan harga makanan ikan dan barangan baik pulih sangkar seperti tali, jaring, pelampung dan besi.

sangkar yang begitu dikenali dalam kalangan peminat ikan ini, kami sebagai penternak tetap juga bertahan dalam industri ini, tambahan pula rata-rata penternak menjadikan ini sebagai sumber pendapatan utama mereka,” katanya di sini.

Mohammad Khalil berkata, kekurangan ikan patin sangkar

di pasaran akan menyebabkan peniaga terpaksa mengambil bekalan dari luar sekali gus menjejaskan kualiti ikan patin Temerloh.

“Bagi peminat tegar ikan patin Temerloh, mereka dapat bezakan rasa ikan patin Temerloh yang berbeza dengan rasa ikan dari tempat lain,” ujarinya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2023	KOSMO	MUKA DEPAN	1

BEKALAN PATIN MAKIN KRITIKAL



Stok hanya mampu bertahan beberapa bulan lagi ekoran kekurangan benih

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN** dan **HARIS FADILAH AHMAD**

JERANTUT – Bekalan ikan patin sangkar di daerah ini dan Temerloh bukan sahaja semakin kritikal, malah dijangka hanya mampu bertahan dalam tempoh beberapa bulan lagi ekoran kekurangan benih ikan selain air sungai yang keruh.

Selain menjejaskan sumber pendapatan pengusaha ikan sangkar, keadaan itu

menyebabkan penggemar patin di seluruh negara bakal kempunan untuk terus menikmati keenakan ikan itu terutama masakan tempoyak patin.

Kekurangan bekalan juga mengakibatkan harga ikan patin sangkar di daerah ini meningkat kepada RM22 hingga RM24 sekilogram berbanding RM18 hingga RM20 sekilogram sebelum ini.

• BERSAMBUNG DI MUKA 2

Bekalan patin makin kritikal

DARI MUKA 1

Penternak dan peniaga runcit ikan sangkar di Kampung Jerantut Feri, Azman Zainuddin, 52, berkata, daripada 37 pengusaha ikan sangkar di kampung itu, hanya lapan masih aktif melibatkan kira-kira 200 buah sangkar di Sungai Pahang.

"Pengusaha-pengusaha lain membabitkan lebih 600 sangkar sudah pun mengangkat sangkar ke atas darat.

"Kehidupan kami ibarat telur di hujung tanduk. Kalau di Temerloh saya difahamkan, ada pengusaha terpaksa jual sangkar kerana sudah tidak sanggup menanggung kerugian," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Menurutnya, kekurangan benih ikan patin mula dihadapi penternak hampir setahun, namun lebih ketara sejak enam bulan lalu dan masalah itu tidak diketahui punca.

Malah katanya, harga benih ikan juga sudah naik menyebabkan penternak terpaksa menaikkan harga jualan.

"Di Jerantut sahaja, kami mengalami kekurangan benih lebih satu juta ekor untuk tempoh satu pusingan iaitu enam bulan.

"Saya sendiri buat tempahan sejak Disember tahun lalu, tetapi sampai sekarang belum dapat benih ikan patin sepenuhnya.

"Benih pun sudah naik harga, sebelum ini untuk saiz tiga inci ke empat inci hanya 25 sen seekor,



SEORANG penternak menunjukkan sangkar ikan patin yang telah diangkat ekoran ketiadaan benih di Kampung Jerantut Feri, Jerantut.

tetapi kini harganya 35 sen hingga 45 sen bagi saiz yang sama. Satu sangkar kita biasa masuk antara 2,000 ke 3,000 ekor benih ikan," jelasnya.

Menurutnya, selain kekurangan benih, masalah utama yang turut dihadapi penternak adalah harga makanan ikan yang terlalu mahal apabila naik kepada RM84 bagi satu beg 20 kilogram berbanding RM60 sebeg sebelum ini.

Katanya, apa yang membimbangkan harga makanan ikan menunjukkan trend peningkatan yang kemungkinan harganya akan memecah lebih RM100 dalam tempoh terdekat.

"Kadar kematian ikan juga semakin tinggi. Daripada 3,000 ekor benih ikan yang dilepaskan di dalam sangkar, peratusan hidup hanya 800 ekor.

"Kalau ikut pengalaman,

masalah ini berpunca daripada cuaca panas dan kadar kekeruhan air," katanya.

Justeru Azman merayu agensi berkaitan seperti Jabatan Perikanan dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) supaya mencari punca sebenar masalah tersebut.

Azman juga berharap kerajaan membuat kawalan harga atau memberikan subsidi makanan ikan pada kadar RM20 satu beg memandang harganya kini tidak masuk akal.

"Kalau makanan ayam kerajaan boleh memberikan subsidi, kenapa tidak makanan ikan sangkar. Kami juga penyumbang kepada sumber makanan negara.

"Kedua, kami difahamkan, Jabatan Perikanan ada menghasilkan benih ikan, tetapi ke mana hala tujunya? Peruntukan benih ikan daripada kerajaan kepada kami sangat kritikal," ujarnya.



BEKALAN ikan patin sangkar semakin berkurangan di Sungai Semantan, Temerloh.

Krisis kekurangan patin jejas nama baik Temerloh



AIZUN menunjukkan akuarium jualan ikan patin di gerai yang kosong di Temerloh.

TEMERLOH - Sebahagian besar penjual ikan patin sangkar di daerah ini sering terputus bekalan ekoran krisis patin yang berlaku ketika ini sehingga menjejaskan nama baik Temerloh yang dikenali sebagai bandar ikan patin.

Seorang pemborong dan penjual ikan patin Aizun Zainuddin, 50, berkata, bekalan ikan patin berkurangan sejak beberapa bulan lalu.

"Purata jualan patin di kedai saya ialah 500 kilogram (kg) sehari dan kini kalau dapat pun dalam 200kg, itu pun tidak hari-hari.

"Selang beberapa hari baru dapat ikan patin menyebabkan saya hanya jual ikan tilapia dan keli," katanya ketika ditemui.

Menurutnya, keadaan itu meresahkan penggemar ikan patin sama ada dalam dan luar daerah

yang datang untuk mendapatkan ikan air tawar berkenaan.

Katanya, masalah utama disebabkan ketiadaan benih ikan patin sejak lebih enam bulan lalu.

Ujarnya, masalah yang berlarutan itu menjadi punca stok terputus apabila penternak tidak dapat memasukkan benih ke dalam sangkar mengikut jadual.

Setiasaha Penternak Ikan Sangkar Sungai Semantan, Muhammad Fikri Abdul Rahman pula berkata, ketiadaan benih ikan patin menyebabkan ramai penternak terpaksa mengosongkan sangkar dan masih menunggu benih yang ditempah.

"Ketiadaan benih bukan sahaja melibatkan pembekal di Pahang, tetapi seluruh negeri seperti Kelantan, Terengganu dan Pulau Pinang. Kami terpaksa ber-

saing mendapatkan benih ikan.

"Saya tempah bulan tiga dan dua hari sebelum raya baru dapat benih, itu pun tidak sepenuhnya. Pahang memang tidak ada lagi benih, begitu juga Kelantan dan Terengganu. Saya ada bertanyakan pembekal di Pulau Pinang, tetapi mereka kata sudah ditempah.

"Saya tidak pasti sampai bila masalah benih ini.

"Pada masa ini hendak cari ikan patin matang seberat sekilogram pun susah kerana pembeli datang membeli patin yang belum matang, 600 gram pun sudah diminta beli," ujarnya.

Katanya, kekurangan bekalan menyebabkan harga ikan patin tidak stabil apabila ramai peniaga menjual pada harga antara RM22 hingga RM25 sekilogram.

Cuaca panas, sawah di Kerian mula kering

BAGAN SERAI: Pesawah di Daerah Kerian menyatakan kebimbangan benih padi yang baru ditabur mungkin terjejas jika kekurangan air berikutan paras air di kolam Tasik Bukit Merah di sini menurun disebabkan cuaca panas.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, di sepanjang tali air dari Bagan Serai hingga Tebuk Panchor, Bukit Merah, kebanyakkan benih anak padi baru sahaja tumbuh iaitu memasuki usia dua minggu dan ke atas.

Ia melibatkan kawasan tanaman seluas lebih 12,000 hektar iaitu dari Kompartmen D, E, F, G dan H di kawasan tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu DUN Alor Pongsu, Gunung Semanggol dan Selinsing.

Pesawah yang ditemui menagkui bimbang jika cuaca panas berterusan dan paras air kolam Tasik Bukit Merah, yang merupakan sumber bekalan air utama untuk kegunaan domestik dan pertanian, terus menurun dan ini akan menjejaskan bekalan air di sawah mereka.

Seorang pesawah, Mohd. Zahid Samad, 46, berkata, dia baru sahaja menabur benih padi dua minggu lalu dipetak sawahnya di Kampung Parit Haji Aman.

Menurutnya, cuaca panas ketika ini menyebabkannya bimbang benih padi akan terjejas pembesarannya.

“Jika paras air di Tasik Bukit Merah terus menurun seperti yang pernah berlaku pada Jun tahun lalu, sudah tentu ini akan

menjejaskan anak padi,” katanya. Menurutnnya, lebih membimbangkan, difahamkan ketika ini sudah berlaku penyusutan air berbanding paras normal di tasik itu iaitu 8.69 meter.

Katanya, jika tidak berlaku hujan di kawasan tadahan kolam dan cuaca panas berterusan, sudah tentu paras air di kolam takungan itu menyusut.

“Setakat yang saya tahu paras air kolam Tasik Bukit Merah terus menyusut,” katanya.

Pesawah di Kampung Parit Air Itam 2, Mustafa Hasim, 53, berharap kejadian penyusutan air di kolam tadahan itu yang berlaku tahun lalu tidak berulang.

“Jika itu berlaku sudah tentu operasi pengairan ke sawah

akan dihentikan dan ini akan memberi impak kepada semua tanaman padi dan menyebabkan pesawah menanggung kerugian,” katanya.

Sementara itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Kerian melakukan pemantauan keadaan paras air di kolam takungan tersebut.

Akhtar ini pernah menyiaran laporan mengenai air Tasik Bukit Merah di sini mengalami surut yang paling teruk pernah berlaku akibat cuaca panas.

Kadaan itu membimbangkan kerana air tasik itu merupakan sumber kegunaan pertanian terutama sawah padi di Kerian, pengguna domestik dan perindustrian termasuk kegunaan perindustrian di Taiping.

KEADAAN petak sawah yang kering dan tanahnya kelihatan merekah akibat cuaca panas ketika tinjauan di Kampung Parit

Haji Ismail 3 di Bagan Serai. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

